

# Anwar tekankan reformasi tadbir urus antarabangsa

PBB perlu lebih demokratik, mewakili semua pihak bukan sekadar negara terpilih

Oleh Najmuddin Najib  
naj.najib@nst.com.my

**Beijing:** Datuk Seri Anwar Ibrahim menekankan perubahan dan reformasi dalam sistem tadbir urus antarabangsa susulan kegagalannya menangani isu global, termasuk keganasan rejim Zionis di Gaza.

Perdana Menteri berkata sebagai contoh, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), tidak seharusnya terikat kepada syarat asal penubuhannya yang hanya mewakili kepentingan negara tertentu.

"PBB perlu lebih demokratik dan benar-benar mewakili semua pihak, bukan sekadar negara terpilih.

"Malah, Setiausaha Agung PBB sendiri, Antonio Guterres, pernah menyuarakan keperluan untuk badan itu melaksanakan perubahan serta reformasi.

"Kita bercakap mengenai demokrasi yang terang-kem, ia sepatutnya lebih adil, mewakili semua kepentingan dan tidak lagi terikat dengan syarat asal penubuhan. Dengan sistem yang ada sekarang, PBB dilihat gagal menyelesaikan masalah sehingga pengaruhnya semakin merosot," katanya.

Anwar berkata demikian pada sidang media bersama wartawan Malaysia di akhir lawatan empat harinya ke Tianjin dan Beijing



Anwar bersama Premier Li Qiang pada pertemuan di Beijing. Turut hadir Mohamad, Saifuddin dan Loke.

(Foto BERNAMA)

yang bermula Ahad lalu.

Hadir sama ialah Menteri Luar, Datuk Seri Mohamad Hasan; Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Datuk Seri Tengku Zafrul Abdul Aziz; Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail serta Menteri Pengangkutan, Anthony Loke.

Anwar berada di China atas jemputan Presiden Xi Jinping untuk menghadiri dan menyampaikan ucapan pada Sidang Kemuncak Pertubuhan Kerjasama Shanghai (SCO) 2025.

Ini juga adalah kali pertama seorang Perdana Menteri Malaysia dijemput menghadiri sidang kemuncak berkenaan.

SCO yang ditubuhkan China pada 2001 turut disertai beberapa kuasa nuklear termasuk Russia, India dan Pakistan, dengan fokus

utama terhadap isu keselamatan serantau, ekonomi, hubungan diplomatik serta pertukaran pendidikan dan budaya.

## Deposit kepercayaan

Dalam ucapannya pada Sidang Kemuncak SCO di Tianjin, Anwar menegaskan kegagalan sistem multilateral global dan institusi seperti PBB telah menyebabkan defisit kepercayaan masyarakat antarabangsa.

Katanya, jurang besar antara idealisme dan penderitaan nyata rakyat dunia menyebabkan PBB dilihat tidak mempunyai aspirasi untuk melakukan pembaharuan.

Sementara itu, Mohamad ketika menjawab soalan sama ada Malaysia bercadang menyertai SCO menegaskan, perkara itu ti-

dak berbangkit buat masa ini.

"Tidak ada keperluan mendesak untuk Malaysia memohon status keanggotaan SCO memandangkan kita sudah berada dalam ASEAN, malah Malaysia kini mempengerusikan ASEAN.

"SCO ditubuhkan untuk mengikat persetujuan bersama berkaitan keamanan serantau, khususnya antara China dan negara Asia Tengah. Malaysia hadir sebagai tetamu khas dengan mandat untuk berucap pada forum ini.

"Buat masa ini, tidak perlu menjadi ahli SCO kerana ia lebih menumpukan kepada China dan Asia Tengah. Sebaliknya, ASEAN perlu terus diperkukuh dan hubungan ASEAN-SCO boleh ditingkatkan dari segi kerjasama antara blok," katanya.